

USIM tuan rumah Sukan Mahasiswa N Sembilan

NILAI: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi tuan rumah penganjuran Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan atau SUKNES@U 2015 yang berlangsung tiga hari, bermula Ahad lalu.

Kejohanan dianjurkan Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (MANIS) dengan kerjasama Pusat Sukan USIM dan sokongan Kerajaan Negeri Sembilan serta Yayasan Negeri Sembilan (YNS).

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik USIM Mohd Zaini Othman berkata penganjuran sukan ini amat dinantikan oleh mahasiswa Negeri Sembilan kerana ia adalah satu-satunya kejohanan sukan melibatkan peserta yang terdiri daripada anak-anak Negeri Sembilan yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di seluruh negara.

"Ini merupakan edisi kedua selepas kali pertama diadakan pada 2010 dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi menjadi tuan rumah sulung.

Penyertaan IPT ke SUKNES@U kali ini lebih meriah dengan lebih 22 IPTA dan IPTS seluruh Malaysia menghantar kontinjen masing-masing," katanya dalam kenyataan di sini kelmarin.

Antara universiti terlibat ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia

(USM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Menurut Mohd Zaini, sebanyak sembilan acara sukan dipertandingkan iaitu futsal, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, sepak takraw serta ping pong dan sukan rakyat seperti tarik tali, tarik upih, guli dan galah panjang.

Katanya kesemua acara sukan berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM.

"Lebih 1,200 orang peserta dan mahasiswa terlibat bagi menjayakan temasya ini yang dianjurkan atas tujuan utama untuk mengeratkan silaturahim dan perpaduan dalam kalangan anak-anak Negeri Sembilan," katanya.

Majlis perasmian pembukaan SUKNES@U telah disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM Prof Datuk Dr. Mohamed Asin Dolah, Ahad lalu.

Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Utama Mohamad Hassan dijangka merasmikan majlis penutup dan penyampaian hadiah kejohanan tersebut hari ini. -Bernama